

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PELANCARAN PROJEK PENGGUNAAN GAS SEMENANJUNG, PERINGKAT II

TEMPAT: KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR

TARIKH: 30 JUN 1989

MASA:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam
bahagia.

Yang Amat Berhormat Tan Sri Mohd Khalil Yaacob, Menteri
Besar Pahang Darul Makmur;

Yang Berhormat Datuk Dr. Sulaiman Haji Daud,
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman;
Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Haji Basir Ismail, Pengerusi
Petronas;

Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Azizan Zainul Abidin,
Pengerusi Petronas Gas Sdn. Bhd;

Dif-dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada
Petronas yang telah mengundang saya untuk merasmikan Majlis
Pelancaran Projek Penggunaan Gas Semenanjung Peringkat II,
atau ringkasnya PGU-II ini. Majlis pelancaran ini mempunyai
kepentingan nasional oleh kerana dalam tempoh dua tahun
sahaja lagi, apabila siap kelak projek ini, Malaysia akan
berada dalam era gas.

2. Bersyukur kita kepada Ilahi kerana negara ini telah
dikurniakan dengan berbagai-bagai sumber alam. Daripada
segi sumber tenaga, kita juga dianugerahi dengan bekalan
sumber yang tidak sedikit dalam bentuk petroleum, tenaga
hidro, gas dan arang batu. Satu perkara
yang ketara sekali mengenai sumber
tenaga negara ini ialah bahawa simpanan gas
kita jauh lebih besar daripada yang lain-lainnya. Buat masa
ini simpanan gas asli Malaysia dianggarkan kira-kira 52.5
trillion kaki padu. Sebaliknya simpanan minyak negara pula
ialah kira-kira 3,100 juta tong. Daripada segi persamaan
dengan jumlah minyak, simpanan gas Malaysia adalah tiga kali
lebih besar daripada simpanan minyaknya.

3. Justeru itu, tidak sahaja logik, malah wajar sekali
daripada segi ekonomi bagi Malaysia untuk membangunkan
sumber gas aslinya bagi memenuhi keperluan-keperluan
domestik. Gas bukan sahaja boleh digunakan sebagai bahan
api dan tenaga, tetapi juga menjadi bahan
mentah berbagai jenis baja dan plastik yang kegunaannya
semakin meluas.

4. Lagipun dalam dunia yang semakin memandang berat tentang masalah pencemaran alam sekitar, kebaikan gas asli berbanding dengan lain-lain bahan bakar fosil, daripada segi kurangnya pencemaran udara dan pengeluaran karbon dioksida memang telah diketahui. Walaupun masalah alam sekitar Malaysia belum mencapai tahap yang dialami oleh negara-negara perindustrian, kita juga memandang berat tentang kesan-kesan pemanasan udara, atau 'greenhouse effect' dan hujan asid. Dengan sumber gas asli kita yang besar jumlahnya, maka bahan ini merupakan pilihan yang sesuai daripada segi kebersihan dan sekitar.

Lagipun penggunaan gas akan mengurangkan import minyak bahan api atau 'fuel oil', satu daripada barang keluaran tapisan minyak yang tidak begitu banyak diperolehi daripada penapisan minyak negara kita yang dikatakan minyak mentah ringan atau 'light crude'.

5. Dengan itu opsyen gas bagi Malaysia ialah satu-satu yang telah dipilih oleh Kerajaan, dan Petronas telah ditugaskan untuk melaksanakan projek penggunaan gas di Semenanjung ini. Dengan terlaksananya projek saluran gas ini, industri-industri yang berasaskan gas akan berkembang dengan lebih pesat lagi.

6. Pertumbuhan ekonomi menyebabkan peningkatan permintaan tenaga. Pertumbuhan pesat oleh sektor pembuatan, perkembangan dan modernisasi dalam sektor pertanian, perluasan jalan dan lain-lain kemudahan dan peralihan cara hidup masyarakat Malaysia adalah antara faktor-faktor yang menghasilkan peningkatan ini. Keadaan ini akan berterusan seimbang dengan perkembangan ekonomi. Pada tahun lalu negara mencapai pertumbuhan ekonomi pada kadar 8.7 peratus. Bagi tahun ini pertumbuhan ekonomi dijangka dalam lengkungan 7 peratus. Begitu juga bagi tahun 1990. Hasil daripada perkembangan ini, permintaan tenaga negara dijangka terus meningkat pada kadar 4 hingga 5 peratus setahun. Berdasarkan unjuran ini, menjelang tahun 2005, penggunaan tenaga Malaysia dijangkakan bersamaan kira-kira 600,000 tong minyak sehari, berbanding dengan 300,000 tong minyak sehari pada tahun 1988.

7. Malaysia perlu membangunkan gas sebagai punca tenaga alternatif, supaya eksport minyak kita dapat diteruskan untuk mendapat tukaran asing yang diperlukan bagi membeli barang-barang yang tidak dapat dikeluarkan oleh negara kita sendiri. Oleh kerana gas juga boleh dieksport, sumber tenaga lain seperti hidro atau arang batu akan dibangunkan juga. Penggunaan berbagai bahan bakar untuk penjanaan elektrik adalah strategi negara kerana kita ingin mengelakkan daripada diancam oleh kekurangan bekalan mana-mana bahan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Saya sedar tentang berlakunya debat mengenai persaingan antara gas asli dengan kuasa elektrik. Persaingan antara

dua bahan ini berlaku di semua negara yang menggunakan bahan tersebut dan ini adalah satu perkembangan yang sihat yang akan menguntungkan pengguna.

9. Walau bagaimanapun Kerajaan akan berusaha supaya persaingan ini tidak menjejaskan kepentingan negara. Keputusan yang dibuat oleh Kerajaan akan menjaga kepentingan Lembaga Letrik Negara dan Petronas, di samping memberi pulangan yang sesuai kepada lain-lain pihak yang turut melabur dalam projek gas ini.

10. Gas asli hendaklah dilihat sebagai sumber tenaga yang komplementari kepada kuasa elektrik. Malah, di mana terdapat gas asli, sesetengah Kerajaan menggalakkan penggunaan gas bagi memenuhi sebahagian permintaan kediaman dan komersial untuk mengurangkan tekanan ke atas sistem elektrik di samping sebagai usaha mempelbagaikan sumber tenaga.

11. Salah satu daripada kemungkinan yang paling menarik dengan pembangunan gas di negara kita ialah perkembangan itu akan membuka lembaran baru bagi memperkembangkan perindustrian negara. Dengan perkembangan ini, industri petrokimia akan dapat membangun dengan lebih giat lagi bagi menjamin supaya ekonomi negara dapat menghadapi perubahan dan keadaan turun-naik yang sering berlaku dalam permintaan bahan dan keluaran. Kita perlu memperbaiki dan memperluaskan asas ekonomi kita. Industri petrokimia adalah satu lapangan yang berpotensi untuk diperkembangkan.

12. Selaras dengan ini, dua projek petrokimia telahpun dilancarkan. Projek-projek ini ialah Projek Methyl Tertiary Butyl Ether (MTBE)/Propylene dan Projek Polypropylene. Kedua-dua projek ini akan ditempatkan di Kuantan, Pahang Darul Makmur dan akan siap dalam tahun 1992.

13. Satu daripada komponen Projek PGU-II ialah pembinaan loji memproses gas yang kedua di Kertih, Terengganu yang akan dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan untuk mengeluarkan ethane. Dengan adanya ethane, ini akan membolehkan kita menubuhkan satu kompleks ethylene. Sekarang ini beberapa pihak yang berminat sedang mengadakan rundingan dengan Petronas bagi mengadakan usahasama untuk menubuhkan kompleks ethylene tersebut.

14. Saya berharap penubuhan kompleks petrokimia yang akan mengeluarkan beberapa bahan asas akan memberi galakan kepada perkembangan industri petrokimia di negara ini. Pada masa ini Malaysia mengimport bahan petrokimia peringkat pertengahan untuk menghasilkan barang-barang siap dalam bentuk benda dan bahan plastik. Menjelang tahun 1992, kita akan mengeluarkan polypropylene kita sendiri dan adalah menjadi harapan Kerajaan bahawa industri-industri tempatan dapat merebut

peluang daripada bekalan bahan itu untuk mempertingkatkan industri plastik, serta menarik para pengusaha dari luar untuk menempatkan kemudahan pengeluaran mereka di Malaysia. Di samping itu, kita juga akan mengeksport polypropylene untuk meningkatkan lagi hasil negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

15. Saya difahamkan bahawa di peringkat kemuncak pembinaan Projek PGU-II nanti, lebih 2,000 orang akan diambil bekerja dalam berbagai-bagai lapangan. Di samping itu rakyat negara ini akan menyertai secara aktif dalam semua aspek PGU-II ini, daripada segi pengurusan projek, penyeliaan dan pembinaan hinggalah ke peringkat permulaan operasi. Bagi tugas raksasa seperti ini, adalah penting bagi setiap pihak memainkan peranan mereka dengan berkesan dan memenuhi kesemua jangkaan dan tempoh masa yang telah ditetapkan. Oleh kerana industri ini adalah satu industri yang baru bagi rakyat Malaysia, kita tidak harus malu belajar daripada pakar-pakar asing. Sebenarnya kita harus memerhatikan segala urusan dan kerja mereka dengan teliti dan bekerja dengan gigih supaya kita benar-benar cekap dan akan berupaya mengendalikan industri gas di semua peringkat. Kita hanya boleh mendapat nikmat yang maksima daripada gas kurniaan Tuhan ini jika kita sanggup bekerja keras.

16. Dengan ini saya dengan sukacitanya mengisytiharkan Projek Penggunaan Gas Semenanjung, peringkat II ini dilancarkan dengan rasminya.
Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum
warahmahtullahi wabarakatuh.